

## **Sejarah Permulaan Percetakan Al-Quran dan Penggunaan Rasm Uthmani**

Khairul Anuar Mohamad (Corresponding author)

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: +60199572383, E-Mail: [khairul@usim.edu.my](mailto:khairul@usim.edu.my)

Mohd Zaini Zakaria, USIM

Anuar Hasin, USIM

### **Abstrak**

Kajian yang akan dijalankan ini adalah berkaitan permulaan sejarah percetakan al-Quran di tanah arab. Cetakan Mushaf bermula secara berperingkat dan pada mulanya banyak menghadapi cabaran dari sudut pandangan ulamak terhadap hukum mencetak Quran dan teknologi yang digunakan. Ia bermula pada zaman pemerintahan Muhammad Ali Basha pada tahun 1248 Hijrah bersamaan 1833 Masihi. Objektif kajian ini ialah melihat kepada sejarah bagaimana perkembangan percetakan berlaku di Mesir yang merupakan tempat pertama Mushaf dicetak di tanah arab. Ia juga mengkaji berkaitan tokoh yang memberi sumbangan dari sudut penulisan khat dan juga metode yang mereka gunakan untuk memastikan mushaf yang dicetak adalah menepati Rasm Uthmani. Metode penulisan yang digunakan adalah dengan mengumpul data dari beberapa artikel yang menjadi rujukan dan menganalisa dengan melihat kepada ulasan yang dinyatakan para pengkaji dan bandingkan kepada salinan mushaf yang berkaitan. Kajian ini mendapati banyak kejayaan mencetak al-Quran di Mesir adalah kerana kesungguhan pemerintah ketika itu bermula pada zaman Muhammad Ali Basha. Kesungguhan ini berterusan sehingga ke zaman Malik Fuad iaitu pada tahun 1918 Masihi bersamaan 1337 Hijrah. Beberapa tokoh telah memberi sumbangan yang besar seperti Syeikh Ridwan al-Mukhalalti. Tokoh ini adalah perintis bermulanya era cetakan al-Quran dengan rasm uthmani.

**Kata Kunci:** Sejarah Percetakan Quran, Penggunaan Rasm Uthmani

### **Pendahuluan**

Sejarah permulaan percetakan Quran bermula pada tahun 1530 Masihi di Bunduqiyyah, Itali. Namun begitu pihak gereja mengarah supaya dihapuskan Mushaf ini kerana bimbang akan memberi kesan kepada pegangan agama Nasara. Berikutnya cetakan Mushaf berlaku pada tahun 1694 Masihi bersamaan 1106 Hijrah di Hamburg, Jerman. Cetakan ini diusahakan oleh seorang orientalis beraliran protestant yang bernama Abraham Hinkelemanni. Dalam mushaf ini terdapat banyak kesalahan yang dikesan dan beberapa ayat tidak disertakan. Lanjutan dari itu pada tahun 1834, cetakan Mushaf tanpa terjemah secara sempurna dibuat oleh seorang orientalis Jerman yang bernama Joseph Libersif Plogal di kota Libezij. Cetakan ini menjadi rujukan Orientalis.

Percetakan ini tidak diberi perhatian oleh umat Islam ketika itu kerana banyak kesalahan dan metode percetakan tidak mengikut kaedah rasm Uthmani. Dr Abdulrahman Badawi memberi ulasan terhadap percetakan tersebut dengan menyatakan, “percetakan ini mengatasi semua percetakan yang ada ketika itu, terbaik di kalangan percetakan mushaf di Eropah dan menjadi rujukan kepada semua pengkaji di Eropah. Mushaf percetakan tersebut juga adalah sebahagian turath dalam Maktabah Turath Arabiy Islam iaitu Mushaf Percetakan Liberiz pada tahun 1841 dan percetakan 1869. Bilangan halaman Mushaf 350 dalam satu jilid dan bilangan baris sebanyak 27 baris” (Yusuf Zannun, 2014).

Pada tahun 1342H/1921M, Muhammad Marmaduk Baksal telah menerbitkan mushaf yang dicetak di London, percetakan pertama dengan menggunakan rasm Uthmani. Muhammad Marmaduk telah menyemak mushafnya berpandu kepada Mushaf percetakan al-Amiri. Beliau adalah seorang inggeris yang memeluk agama Islam pada 1917M. Semua penandaan dalam mushaf tersebut dari sudut baris, titik dan semua alamat dabt adalah sempurna. Mushaf ini dulang cetak pada tahun 1969M dan berada dalam simpanan Maktabah Turathiyyah. Bentuk mushaf mempunyai 826 halaman, 12 baris dan huruf yang dicetak dengan khat nasakh Tibaei.

Percetakan Faksmel telah melakukan satu pembaharuan dalam mencetak Mushaf. Mereka telah mencetak Musahaf Ibn al-Bawwab seorang tokoh khat yang masyhur yang dihasilkan pada tahun 391H. Keseniaan perhiasan dalam mushaf ini amat tinggi nilainya yang dihiasi dengan air emas. Ia masih dijaga dengan baik di Maktabah Chester Beatty di Dublin, Irland. Khat yang digunakan adalah khat Raihani di mana ia amat masyhur dipelopori oleh Ibn al-Bawwab itu sendiri. Mushaf ini mempunyai 286 halaman, jenis khat dicipta oleh penulisnya sendiri dan boeh jadi khat tersebut selalu digunakan oleh penulis ketika itu. Khat tersebut berbeza dengan rasm yang digunakan pada zaman Uthmaniyyah yang terkenal di Turki sehingga ke hari ini. ia juga berbeza dengan Rasm Uthmani. Mushaf ini adalah mushaf yang tertua yang dapat dijumpai dan berbeza dengan rasm Uthmani yang digunakan pada kurun keempat. Bilangan baris ialah 15 baris. (Yusuf Zannun, 2014)

## **Percetakan Quran Di Mesir**

Era percetakan di Mesir berlaku semasa penjajahan Perancis ke atas Mesir selama dua tahun iaitu pada tahun 1798 hingga 1801M. Napoleon Bonaparte sebagai ketua Angkatan tentera Perancis untuk menjajah Mesir yang ketika itu berlaku perluasan kuasa antara Perancis dan British. Beliau telah menutup Univeristi al-Azhar yang merupakan antara universiti tertua dan amat dihormati oleh seluruh umat Islam kerana mempunyai ramai para ulamak yang menjadi rujukan seluruh dunia (Mohd Fadli, 2018). Bagi menjaga hati rakyat Mesir Napoleon telah membuka kilang percetakan untuk mengukuhkan hasratnya menjajah Mesir.

Napoleon telah menyediakan kilang cetak yang menggunakan huruf arab, Turki, Perancis dan Yunan. Kilang Percetakan Rasmi tersebut dibahagi kepada Timur dan Perancis. Kilang cetak ini mula mendarat di Iskandariyyah dan dinamakan dengan Percetakan Timur Perancis. Kemudian di bawa ke Kaherah dan diberi nama dengan Pencetakan Baharu. Napoleon menggunakan kilang percetakan ini untuk mencetak semua saranan dan ideanya yang ditujukan kepada penduduk Mesir termasuk juga arahan ketenteraan untuk tentera Perancis.

Selepas Perancis dikalahkan oleh tentera Uthmaniyyah dengan bantuan British iaitu pada tahun 1801M, Muhammad Ali Basha sebagai pemerintah Mesir telah memulakan Gerakan untuk membina

negaranya dalam semua lapangan. Pada tahun 1815M beliau telah menghantar ke Itali beberapa orang yang berkemampuan untuk mendalami ilmu percetakan. Setelah mereka kembali ke Mesir, Muhammad Ali Basha telah memberi arahan supaya menubuhkan satu percetakan kerajaan secara rasmi. Ia dikenali dengan nama Percetakan Bulak, Dar al-Tiba'ah, Percetakan Sohib Sa'adah atau dengan nama Percetakan al-Amiriyyah. Antara nama-nama tersebut yang paling masyhur ialah Percetakan Bulaq. Peralatan cetak mula dibina pada tahun 1821 dan siap untuk beroperasi pada tahun 1822. Buku pertama yang dicetak pada akhir tahun 1822 ialah kamus Itali-Arabi.

Percetakan pertama yang khusus mencetak Mushaf di Mesir ialah Percetakan al-Syimarli dan Percetakan al-Bab al-Halabi. Perkara ini dikuatkan dengan penjelasan Syeikh Qurra Mesir, Dr Isa al-Ma'sarawi, "pada masa lalu tidak ada mencetak Quran kecuali dua sahaja iaitu al-Syimarli dan al-Halabi. Sekarang ini bilangan kilang mencetak mushaf sampai ke angka seribu". (Amal Ramadhan, 2014)

### **Percetakan Mustafa Al-Bab Al-Halabi**

Salah satu kilang mencetak yang tertua di Mesir ialah Percetakan Mustafa al-Bab al-Halabi. Percetakan ini mencetak dan menerbitkan al-Quran di samping menerbitkan juga kitab turath feqh dan tafsir. Penubuhan percetakan ini adalah lebih dari 150 tahun yang lalu di mana pengasasnya Syeikh Ahmad al-Halabi berhijrah dari Syam ke Mesir. Beliau amat arif berkaitan kitab dan manuskrip. Pada mulanya, beliau menyertai dalam mengasas Percetakan al-Maimaniyyah pada tahun 1859M yang terletak berhadapan dengan Univerisiti al-Azhar. Percetakan al-Maimaniyyah banyak mencetak kitab yang bersaiz besar seperti kitab Musnad Imam Ahmad dan Tafsir Tabari.

Syeikh Ahmad al-Halabi tidak dikurniakan zuriat. Beliau telah menjemput anak-anak saudaranya di Syria ke Mesir untuk membantu beliau dalam urusan percetakan. Mereka adalah Mustafa, Isa dan Bakri. Pada akhirnya mereka mewarisi percetakan tersebut daripada bapa saudara mereka dan menamakan dengan Sjarikat Dar al-Kutub al-Arabiyyah al-Kubra Li Ashabiha Mustafa al-Bab al-Halabi dan Dua Saudaranya. Selepas beberapa ketika berlaku pertelingkahan antara mereka menyebabkan perpecahan dan akhirnya Isa menubuhkan Percetakan Dar Ihya al-Kutub al-Arabiyyah. Mustafa pula menukar nama percetakan kepada Maktabah Mustafa al-Bab al-Halabi wa Awladuh.

Percetakan ini dianggap yang terawal mencetak Mushaf yang menggunakan Rasm Uthmani yang dinamakan dengan nama Mushaf Mustafa al-Halabi. Syarikat ini juga amat masyhur dengan pembahagian mushaf dan kitab turath kepada orang ramai sehingga dikenali samada di SIngapuran, Indonesia, Kepulauan Melayu, Ghana dan lain-lain. Ustaz Samir al-Halabi seorang pegawai di Percetakan al-Halabi menyatakan bahawa, "Kami adalah penerbit yang menerbit cetakan khas bagi mushaf syarif, kitab tafsir, kitab hadith, kitab feqh dengan kuantiti yang amat besar untuk semua negara di benua Afrika. Manakala Indonesia adalah negara yang paling banyak menerima percetakan yang kami terbitkan. Bukan sahaja kami mencetak kitab berbahasa arab tetapi kami juga mencetak kitab bahasa jawi bagi penduduk Indonesia. Kami adalah yang pertama mencetak tafsir al-Quran oleh Imam al-Tabari, kitab Ihya Ulum al-Din oleh Imam Ghazali, al-Milal wa al-Nihal oleh al-Syihristani dan lain-lain."

## **Matba'ah Al-Syimarli**

Mushaf terbitan al-Syimarli dianggap amat masyhur kerana kepentingan yang selalu digunakan oleh penghafaz al-Quran di Mesir dan dunia Islam. Pengasas Percetakan al-Syimarli ialah Haj Ahmad al-Syimarli al-Kabir telah menubuhkan percetakan ini pada tahun 1935 M bertujuan mencetak Mushaf. Keluarganya memberi sokongan dan bantuan kepada percetakan ini termasuk anaknya Fauzi dan adik beradiknya.

Percetakan pertama al-Quran di Percetakan al-Syimarli adalah ditulis oleh seorang tokoh khat yang bernama al-Sayyid Mustafa Nazif yang terkenal dengan Qaddughali. Beliau menulis mushaf tersebut pada tahun 1891M/1309H dan dicetak untuk pertama kali di Percetakan al-Uthmaniyyah. Selepas itu diulang cetak di Percetakan al-Syimarli pada tahun 1944M/1363H. Adapun mushaf pertama ditulis untuk Percetakan al-Syimarli ia ditulis oleh al-Khattat al-Haj Muhammad Saad Ibrahim yang terkenal dengan al-Haddad. Mushaf tersebut ditulis dengan menggunakan Rasm Uthmani dan naskhah asalnya masih disimpan oleh keluarga al-Syimarli. Ia berjaya dicetak dan diterbitkan pada tahun 1975M/1395H.

Al-Haj al-Haddad yang menulis mushaf al-Syiarli dengan tanganya ini adalah seorang tokoh khat yang masyhur di Mesir dan negara Islam. Beliau mendalami ilmu khat semasa di sekolah lagi. Beliau juga menulis beberapa mushaf lain yang diminta oleh pihak berwajib seperti negara Kuwait, Arab Saudi dan juga negara arab lain. Beliau meninggal dunia dalam usia lebih 90 tahun. Seorang yang melakukan kerja dengan ikhlas dan teliti. Masa yang beliau ambil untuk menyiapkan menulis satu mushaf adalah tempoh beberapa tahun. Percetakan al-Syimarli ini menjadi masyhur adalah kerana mushafnya banyak tersebar di kalangan masyarakat dengan sebab digunakan dalam pengajian untuk halaqah Quran, dicetak juga dalam bentuk beberapa juzuk seperti juzuk 30, juzuk 29 iaitu sepuluh juzuk dicetak dalam satu jilid. Selain itu ia juga mencetak 30 juzuk dalam bentuk setiap juzuk satu jilid. Mushaf ini yang dicetak setiap juzuk dalam satu jilid adalah ditulis oleh al-Haj Sayyid Abdul Qadir yang terkenal dengan Zayid. Percetakan Syimarli mencetak msuhaf tersebut pada tahun 1990M/1410H.

Mushaf al-Syimarli amat dekat dihati masyarakat Islam kerana kebanyakan negara Islam menggunakan Mushaf al-Syimarli. Guru-guru al-Quran banyak menggunakan mushaf Syimarli untuk halaqah al-Quran dalam pengajaran dan hafaz al-Quran. faktornya adalah kerana setiap halaman mengandungi 15 baris sahaja menyebabkan pandangan mata lebih tertumpu. Tetapi ia berlainan dengan mushaf yang dicetak di Mujamma' al-Malik Fahd di Madinah yang berakhir setiap halaman dengan berakhirnya ayat al-Quran. al-Haj Hamdi al-Syimarli pemilik Percetakan menyatakan, "Banyak kali Syeikh al-Azhar menyatakan bahawa beliau menghafaz al-Quran menggunakan Mushaf al-Syimarli. Dan ini adalah satu anugerah dan kemuliaan untuk kami." (Amal Ramadhan, 2014)

### Mushaf Ridhwan Al-Mukhlilati (1311 Hijrah)



Abu 'Eid Ridwan al-Mukhalilati dilahirkan pada tahun 1250 hijrah dan meninggal dunia pada tahun 1311 Hijrah. Selepas penjajahan Perancis ke atas Mesir pada tahun 1798 hingga 1801 M, percetakan di Mesir telah mencetak mushaf namun percetakan tersebut tidak begitu teliti dan tidak berpandu kepada kaedah rasm mushaf yang betul yang ditulis oleh Uthman Ibn Affan ra. Mushaf tersebut ditulis dengan kaedah Imalai semasa. Keadaan ini berlaku dalam tempoh yang lama sehingga munculnya tokoh ulamak dalam bidang Bahasa arab dan Qiraat yang terkenal iaitu al-Allamah Ridwan Ibn Muhammad Ibn Sulaiman yang masyhur dengan al-Mukhalilati.

Beliau banyak menghasilkan penulisan yang baik dan menjadi rujukan. Selain itu beliau juga menulis mushaf dengan tanganya sendiri mengikut kaedah rasm Uthmani dengan mengambil kira pendapat yang kuat samada dari sudut rasm atau Dabt. Perkara tersebut beliau nyatakan dalam muqadimah Mushaf yang beliau tulis dengan merujuk pendapat Abu Amru al-Dani dalam kitabnya al-Muqni' meninggal pada tahun 444 Hijrah dan juga pendapat Abu Daud Sulaiman Ibn Najah dalam kitabnya al-Tanzil meninggal pada tahun 496 Hijrah.

Selain perhatiannya kepada tulisan kalimah yang mengikut rasm Uthmani beliau juga nyatakan bilangan ayat setiap surah di permulaan surah mengikut ulamak fawasil yang masyhur khilaf di sisi mereka dengan meletak nama ulamak pada tempat fasilah di setiap tempat khilaf. Beliau juga meletak keterangan berkaitan tempat waqaf dan alamat waqaf yang menunjukkan kepada jenis waqaf. Di permulaan mushaf diterangkan semua perkara yang dilakukan oleh Allamah al-Mukhalilati seperti rujukan dan pengenalan mushaf. Oleh kerana beliau telah menulis dengan tanganya sendiri dan mengikut kaedah rasm uthmani maka mushaf ini dinamakan dengan Namanya.

Mushaf al-Mukhalilati sempurna ditulis pada tahun 1308 Hijrah bersamaan 1890 M dan dicetak di percetakan al-Bahiyah di bawah milik Abu Zaid pada tahun yang sama.

Proses percetakan tersebut diseliakan sendiri oleh al-Allamah Ridwan al-Mukhalilati. Mushaf ini menjadi rujukan pembaca al-Quran selama 57 tahun. Dan ia dianggap mushaf yang terbaik di samping mushaf pertama yang dibaca ramai ulamak dan ahli bidang qiraat. Dan juga mushaf pertama dalam dunia islam yang berpegang kepada seluruh kaedah rasm Uthmani, namun begitu mushaf ini tidak dicetak dengan bentuk yang menarik yang boleh menarik perhatian pembaca kerana kualiti kertas dan proses cetak yang tidak begitu baik, boleh jadi percetakan ketika itu adalah hajariyyah. (Majallah al-Wa'yu al-Islamiy al-Kuwaitiyyah, 2017)

### **Muqaddimah Mushaf Al-Mukhalilati**

Segala puji bagi Allah yang menetapkan dirinya dengan Rahmat dan menjadikan pembawa kitabnya yang mulia sebagai orang yang mulia di kalangan umat ini. Dan menunjuk mereka kepada ilmu menulis kalimahnyanya, mengetahui wajah bacaan lalu terpancar darihati mereka hikmah. Menjadi ibadat dengan membacanya, mengetahui hukum hakamnya, membariskan hurufnya semoga mereka semua dikurniakan Allah nikmat yang besar. Aku memujinya kerana menjadikan kami orang yang terpilih untuk menghafaz kitabnya yang mulia, aku bersyukur kepadanya yang menganugerah kepada kami masa yang sibuk dengan belajar dan mengajar. Aku bersaksi bahawa tiada tuhan yang disembah kecuali Allah. Dan aku bersaksi bahawa nabi Muhammad adalah pesuruh dan rasulnya yang bersabda orang yang mulia di kalangan umat ku ialah yang membawa al-Quran selawat dan salam kepadanya, semua keluarganya, para sahabatnya yang telah mencatat wahyu dan menulisnya.

Adapun selepas itu berkata orang yang amat perlu kepada rahmat Tuhanya, berada dalam dosa dan mengharapkan keampunan Tuhanya terhadap dosanya yang lepas dan akan datang Ridwan Ibn Muhammad yang dipanggil dengan al-Mukhalilati: ketahuilah kamu bahawa wahai yang melihat mushaf yang mulia ini semoga Allah melapangkan dada ku dan kamu untuk membaca kalamnya yang qadim ini. Sesungguhnya menjadi kebiasaan para sahabat ra semasa hayat Rasulullah saw mereka berlumba untuk menghafaz al-Quran al-Karim talaqi daripada Rasulullah saw. Mereka juga menulis al-Quran di belulang, kepingan tulang, pelepah tamar, kepingan batu kerana pada masa itu tidak ada kertas. Setiap tahun dalam bulan Ramadhan Nabi Muhammad saw membaca al-Quran kepada Jibril as.

Setiap kali ada penambahan huruf daripada tujuh huruf atau nasakh sebahagiannya lalu bersegeralah Rasulullah menghafaz dan mengamal kandungannya. Diriwayatkan bahawa pada tahun baginda meninggal dunia, dua kali bentangan dilakukan di hadapan Jibril as. Kemudian penghafaz al-Quran dengan wajah dan riwayat semakin hari semakin ramai sehinggalah meninggalnya Rasulullah saw. Pada permulaan khilaf Abu Bakr al-Siddiq ra berlaku peperangan al-Yamamah. Bilangan yang syahid adalah seramai seribu dua ratus orang dan tujuh ratus daripadanya ialah mereka yang menghafaz al-Quran. Ketika Umar ibn al-Khattab ra mengetahui apa yang berlaku kepada penghafaz al-Quran ini dia menjadi bimbang dan memberi pengesyoran kepada Abu Bakr al-Siddiq untuk mengumpulkan al-Quran. Lalu Abu Bakr menjawab bagaimana aku boleh lakukan perkara yang tidak pernah dibuat oleh Rasulullah saw. Umar menjawab demi Allah ia adalah perkara yang amat baik. Umar masih lagi memberi pengesyoran kepada Abu Bakr sehinggalah Allah swt memperlihatkan kepada Abu Bakr kepada pandangan Umar. Lalu didatangkan Zaid Ibn Thabit ra dan beberapa

sahabat dan mereka mengumpul al-Quran dalam mushaf dari lembaran yang ditulis dan dari dada penghafaz al-Quran.

Mushaf tersebut disimpan Bersama Abu Bakr al-Siddiq semasa pemerintahannya kemudian bersama Umar semasa pemerintahannya. Dan semasa pemerintahan Uthman, mushaf tersebut diambil oleh Hafsa bint Umar iaitu salah seorang isteri Rasulullah saw. Pada zaman Uthman berlaku peperangan arminiyyah dan azrabaijan. Uthman ibn Affan menghantar sekumpulan tentera dan di kalangan mereka ialah Huzaifah ibn al-Yaman. Beliau telah melihat sebahagian manusia berbantah dan berbalah di beberapa kalimah al-Quran. Perkara ini membuat huzaifah rasa marah. Beliau telah pergi melaporkan perkara ini kepada Uthman ibn Affan ra dalam keadaan marah dan berkata sesungguhnya aku telah melihat perkara jika kau biarkan begitu nescaya mereka akan berbantah berkaitan Quran sebagaimana yahudi dan nasa berbantah tentang taurat dan injil. Dan perkara ini tidak ada keputusan. Huzaifah menjelaskan lagi aku melihat penduduk Hims menyangka bahawa bacaan mereka adalah lebih baik dari yang lain kerana mereka mengambil bacaan daripada al-Miqdad Ibn al-Aswad. Penduduk damsyiq pua berkata begitu juga, begitu juga penduduk Kufah kerana mereka mengambil bacaan dari Ibn Mas'ud. Penduduk Basrah berkata begitu juga kerana mereka mengambil bacaan dari Abi Musa al-Asyari. Ketika uthman mendengar berita tersebut lantas beliau menghimpun para sahabat dan memberitahu perkara tersebut sambil berkata aku berpandangan umat islam memerlukan satu mushaf. Yang selepasnya tidak lagi berlaku ikhtilaf, mereka berkata pendapat kamu terbaik. Uthman meminta Hafsa ra menghantar suhuf Abu Bakr untuk menyalin dan akan dikembalikan kepadanya selepas selesai.

Lalu ditugaskan perkara ini kepada Zaid Ibn Thabit, Abdullah Ibn al-Zubair, Said Ibn al-As, Abdul Rahman Ibn al-Harith Ibn Hisyam dan mengarah mereka menyalin dalam bentuk mushaf yang bersandar kepada asal yang dibuat oleh Abu Bakar dan bersandar kepada asal yang dibuat oleh Nabi saw. Diberi arahan kepada Zaid Ibn Thabit RA kerana beliau adalah penulis wahyu di hadapan Rasulullah saw dan beliau juga pernah membaca di hadapan Rasulullah saw selepas bentangan terakhir yang merupakan bentangan yang diambil kira berbanding bentangan yang sebelumnya. Dilantik juga beberapa sahabat untuk membantu zaid yang merupakan kalangan ansar dan tiga yang lain dari kalangan Quraisy. Uthman ibn Affan berkata kepada mereka jika kamu berbeza pendapat dalam menulis kalimah Quran maka tulis lah mengikut lisan Quraisy iaitu mengikut kaedah penulisan Qurais ejaanya dengan permulaan kalimah dan akhir kalimah dan juga istilah yang menyalahi dengan rasm qiyasi dengan usul ziyadah, hazf, fasl wasl, yang menunjuk kepada huruf asal. Hikmah dan faedah yang demikian adalah menghalang ahl kitab dari perakunya tanpa mawqif.

Muwafaqah mushaf mestilah betul seperti bacaan *ملك يوم الدين* dibaca dengan qasr dan takdirnya untuk bacaan dengan mad. Ikhtilaf ini dipanggil taghayur yang mana ia masih dalam hukum boleh diterima bukan ikhtilaf yang berlawanan. Sebetulnya khat tulisan Quran ada yang membetuli sebutan lafaz dan ada kalanya tidak menepati sebutan lafaz. Ada kalanya badal berada pada hukum mubdal, apa yang ditambah dianggap tidak ada, apa yang di hazaf dianggap hukumnya ada, apa yang ditulis bersambung dianggap berpisah dan apa yang berpisah dianggap bersambung. Rasm al-Quran ada lima usul iaitu hazf, ziyadah, badal, al-fasl wa wasl, hamz dan dua qiraat ditulis dengan satu tulisan. Usul hazf dan ziyadah paling banyak dalam Quran iaitu pada huruf Illah yang tiga alif, wau dan ya. Dan hazaf alif adalah yang paling banyak dan terbahagi kepada dua iaitu pertama hazaf untuk meringankan seperti *اولئك - ذلك - لكن* begitu juga pada alif pada ya nida, *هذا*, alif pada kalimah *اموات - إله - مساجد* dan seumpamanya yang kamu akan melihatnya nanti. Hukum semua alif tersebut ditulis dengan ilhaq warna merah tetapi oleh kerana tidak ada kemudahan dalam percetakan hanya cukup dengan letak tanda alif yang tegak untuk menunjuk bahawa disitu ada alif yang di hazaf secara takhfif. Dan bahagian kedua hazaf alif kerana adanya bacaan kedua seperti hazaf alif pada

kalimah *ولا تقتلوه عند المسجد الحرام حتى يقتلوه فيه فان قتلوهكم - ملك يوم الدين* atau letak fathah berdiri. Berlaku juga kalimah yang sama lafaz dan makna dihafaz alif pada banyak tempat dan i'tibat di beberapa tempat seperti kalimah *كتاب* alifnya dihafaz disemua tempat kecuali pada *كتاب لكل أجل كتاب* surah al-Ra'd, *ولها كتاب معلوم* surah al-Hijr, *من كتاب ربك* surah al-Kahf, *وكتاب مبين* surah al-Naml. Berlainan dengan kalimah *تراب* di mana ia ditulis dengan alif pada semua tempat kecuali di ayat *أعدا كنت ترابا* surah al-Ra'd dan surah al-Naml, *وترابا* akhir surah al-Naba'. Banyak terdapat ziyadah huruf alif dalam kalimah antaranya ialah hafaz alif di *بسم الله*, lam ta'rif bersama lam ta'kid atau jaz seperti *للذي بيكة* begitu juga dengan fi'l al-amr yang didahului dengan wau ataf seperti *وأنتوا البيوت* begitu juga dengan fi'l al-amri di kalimah *السؤال* seperti *وسئل القرية* - *فسئل به* - *قل اتخذتم ولدا* - *أطلع*. berlaku ziyadah alif seperti *ءامنوا وعملوا*

Hazf mengikut asal selain *فأعو - وبأعو - جاءعو - سعو* dalam surah saba - *عتو* dalam surah Fiurqan - *تبوء* dalam surah al-Hasyr. Dan mereka juga menambah alif selepas kata kerja yang menunjuk kepada satu seperti *وما كنت ترجوا* kecuali *أن يعفو عنهم* dalam surah al-Nisa. Hazf mengikut asal juga ialah kalimah *مائة* - *ولا تقولن لشيء* - *مائة* dalam surah al-kahf ditambah alif dan diletak di atasnya bulat kecil untuk menunjuk ia adalah ziyadah. Adapun wau dihafaz kerana makruh berkumpul dua huruf yang sama seperti *يلون* - *يستون* - *إلى الكهف* - *فأو*, *داود* bentuk penandaan ialah dengan alamat merah atau diletak alamat dhommah iaitu wau kecil bagi menunjuk ia dihafaz untuk cetakan. Huruf wau ditambah ziyadah di empat kalimah iaitu *أولوا* - *أولي* - *وأولت الأحمال* - *وأولاء* apa jua bentuknya. Semua wau tersebut ditanda di atasnya dengan alamat ziyadah iaitu tanda bulat kecil. Adapun huruf ya dihafaz kerana makruh berkumpul dua ya. (Ridwan al-Mukhalilati, 1314H)

## **Kesimpulan**

Amat membanggakan peranan penerbitan dan percetakan dalam menerbitkan mushaf yang suci ini dalam bentuk yang terbaik, pandangan yang baik, susunan yang canggih dalam pelbagai bentuk, warna dan saiz. Itulah kenyataan yang diucapkan oleh Syeikh Abdul Fattah al-Qadhi dalam kitabnya mushaf syarif kajian terhadap sejarah dan hukumnya. (Abdul Fattah al-Qadhi, 1951)

## **Kaedah Rasm**

Permulaan era percetakan Quran tidak begitu meraikan kaedah rasm uthmani semasa proses cetakan sebagaimana yang ditulis dalam mushaf di zaman Uthman ibn Affan ra. Zaman para Sahabat RA, Tabien dan imam yang mujtahidin. Bahkan Quran ditulis dengan menguna kaedah imalai. Boleh dikatakan hanya sedikit sahaja kalimah yang ditulis mengikut rasm uthmani.

Dalam tempoh yang agak panjang mushaf ditulis bukan dengan Rasm Uthmani sehinggalah muncul seorang tokoh al-Quran yang hebat iaitu al-Allamah Syeikh Ridwan ibn Muhammad yang terkenal dengan al-Mukhalilati. Beliau banyak menulis karya yang memberi manfaat. Beliau juga menulis mushaf yang amat baik dengan mengambil kira menulis kalimah-kalimah quran mengikut rasm uthmani. Beliau juga menerangkan bilang ayat setiap surah iaitu di permulaan surah di sisi ulamak adad yang masyhur dengan pelbagai pendapat. Menanda kepala ayat bagi ulamak yang mengiranya. Begitu juga menerangkan tempat waqaf dan meletak setiap tempat alamat waqaf yang menunjuk kepada jenis waqaf. (Abdul Fattah al-Qadhi, 1951)

## **Mushaf al-Mukhalilati**

Di permulaan mushaf ini terdapat muqadimmah yang menerangkan berkaitan rasm, dabt mengikut kitab al-Muqni' yang dikarang oleh Imam al-Dani, kitab al-Tanzil yang dikarang oleh Abu Daud. Terdapat juga ringkasan sejarah penulisan Quran al-karim di zaman Nabi, pengumpulan di zaman Abu Bakr dan Uthman ra. Ringkasan berkaitan kaedah rasm dan dabt, keterangan tentang ulamak bilangan ayat yang masyhur, menerangkan juga makna surah dan ayat dalam bentuk ringkas dan bermanfaat. Mushaf ini dicetak di percetakan al-Bahiyah di Kaherah yang dimiliki oleh syeikh Muhammad Abi Zaid iaitu pada tahun 1308 hijrah, mengikut pendapat Syeikh al-Qadhi. (Abdul Fattah al-Qadhi, 1951)

Mushaf ini mendapat perhatian ahl ilmu dan ulamak qiraat. Ia dikenali sebagai mushaf al-Mukhalilati. Namun bentuk yang dihasilkan tidak menarik perhatian pembaca kerana kertas yang diguna tidak berkualiti dan cetakan yang tidak baik.

Al-Allamah Syeikh al-Qadhi mengulas Tarikh percetakan Quran dengan berkata: Pengurusan University al-Azhar telah memberi perhatian yang tinggi kepada mushaf dengan mengarah dilantik satu lajnah yang pakar dalam bidang Quran yang diketuai oleh al-Allamah Syeikh Muhammad Ali Khalaf al-Husaini yang terkenal dengan al-Haddad berjawatan Syeikh Qurra, Syeikh Hafni Nasif, Syeikh Mustafa Annani dan Syeikh Ahmad al-Iskandari. Mereka mengkaji dan meneliti proses menerbit mushaf dalam rasm, dabt dan perkara yang wajib dilakukan. Lajnah ini telah berjaya memikul tanggungjawab yang begitu berat ini dengan amat sempurna. Lalu Quran ditulis mengikut kaedah Rasm Uthmani dan dabtnya mengikut riwayat Hafs Ibn Sulaiman al-Kufi seorang perawi kepada Qiraat Asim Ibn Abi Najud. Diterangkan setiap surah bilangan ayat mengikut mazhab Hafs, Makiyyah atau Madaniyyah. Ia juga menerangkan penurunan surah, ditanda nombor ayat selepas setiap ayat, alamat waqaf, juzuk, ahzab, arba', tanda sajdah dan saktah.

## **Rujukan**

- Abdul Fattah al-Qadhi (1951). Tarikh al-Mushaf al-Syarif, Qaherah, Maktabah al-Jundi hlmn, 59-61.
- Dr Amal Ramadhan Abdul Hamid (2014). Tarikh Tiba'ah al-Mushaf al-Syarif Fi Misr, hlmn 175-183.
- Yusuf Zannun Abdullah (2014). Adwa Ala al-Musahif al-Matbu'ah Fi Urubba, hlmn 129.
- Mohd Fadli Ghani (2018). Othmaniyyah Kalahkan Napoleon di Mesir, Harakahdaily.
- Majallah al-Wa'yu al-Islamiy al-Kuwaitiyyah (2017). Bil 620, Rabi'al Akhir 1438 H.
- Majalah al-Wa'yu al-Islami-Wizarah al-Awqaf wa al-Syuun al-Islamiyyah- Daulah Kuwait.
- Mushaf Ridwan al-Mukhalilati (1314H). Matba'ah al-Bahiyah, Mesir, hlmn 1-7.